



01 FEB, 2026

Catat nilai jualan terkumpul RM13.25 juta

Metro Ahad, Malaysia

Kuantan: Program Jualan Agro MADANI mencatatkan prestasi memberangsangkan dalam tempoh 25 hari pertama tahun ini dengan nilai jualan terkumpulnya sebanyak RM13.25 juta.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli berkata, sebanyak 250 program dilak-

sanakan di seluruh negara dalam tempoh itu membabitkan penyertaan 5,527 usahawan tempatan dan kehadiran 440,000 pengunjung.

"Di samping itu, sepanjang tempoh berkenaan,

nilai jualan terkumpul mencecah RM13.25 juta dan memberikan penjimatan kepada rakyat sebanyak RM1.76 juta," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Karnival Jualan Agro MADANI Pahang

di sini, semalam.

Pada tahun lalu, nilai jualan program itu mencatatkan RM84.14 juta membabitkan penjimatan rakyat dianggarkan lebih RM25 juta menerusi 4,300 program yang membabit-

kan 61,891 usahawan tempatan dan menarik 2.63 juta pengunjung.

Beliau berkata, setiap penganjuran Program Jualan MADANI mendapat sambutan menggalakkan apabila kehadiran pengunjung

mencapai 100 peratus, sekali gus melebihi sasaran ditetapkan.

Aminuddin berkata, berikutan permintaan tinggi terhadap penganjuran Karnival Jualan Agro MADANI bagi sesi 2025/2026 yang dijadualkan berakhir di Melaka pada Mac ini, program itu dijangka akan diperluas dan diteruskan. -BERNAMA

PROGRAM JUALAN AGRO MADANI

Catat nilai jualan terkumpul RM13.25 juta



01 FEB, 2026

Catat nilai jualan terkumpul RM13.25 juta

Metro Ahad, Malaysia

SUMMARIES

PROGRAM JUALAN AGRO MADANI

Kuantan: Program Jualan Agro MADANI mencatatkan prestasi memberangsangkan dalam tempoh 25 hari pertama tahun ini dengan nilai jualan terkumpulnya sebanyak RM13.25 juta. Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Aminuddin Zulkipli berkata, sebanyak 250 program dilaksanakan di seluruh negara dalam tempoh itu membabitkan penyertaan 5,527 usahawan tempatan dan kehadiran 440,000 pengunjung. “Di samping itu, sepanjang tempoh berkenaan, nilai jualan terkumpul mencecah RM13.25 juta dan memberikan penjimatan kepada rakyat sebanyak RM1.